




JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 24 – 27 SEPTEMBER 2021

BIL. 42 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 27 September 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 2,005,942** atau 90.8 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **177,557 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **10,959 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **2,209,194 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **10,947 kes** daripada catatan harian dengan **92.7 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 12 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **39.1 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.4 peratus), Zon Utara (16.4 peratus), Zon Selatan (15.7 peratus) dan Zon Pantai Timur (10.3 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Sarawak** iaitu **2,723 kes** disusuli Johor (1,226 kes), Kelantan (983 kes), Selangor (979 kes), Pulau Pinang (793 kes), Sabah (751 kes) dan Pahang (739 kes). Sejumlah **25,695 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **258 kematian terbaru** sementara **rekod tertinggi kematian** adalah **592 kes** yang dicatatkan pada 11 September 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 26 september 2021 menunjukkan seramai **22,834,060** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,218,754** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,847,847. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (2,592,431), Sabah (2,148,368), Sarawak (1,995,861), Perak (1,621,839) dan Pulau Pinang (1,328,747). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 42.5 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - **USA: Indeks Pelopor Ekonomi melonjak lebih tinggi daripada yang dijangkakan pada Ogos.** Conference Board melaporkan indeks pelopor ekonomi meningkat 0.9% pada Ogos selepas meningkat 0.8%

pada bulan sebelumnya. Kenaikan yang lebih besar daripada yang dijangkakan disumbangkan dari lapan daripada sepuluh indikator, termasuk purata tuntutan faedah pengangguran, Indeks Pesanan Baharu ISM dan permit pembinaan. (RTT)

- USA: **Tuntutan faedah pengangguran mingguan meningkat kepada 351,000, mencapai tahap tertinggi dalam sebulan.** Jumlah ini adalah yang tertinggi sejak minggu berakhir 21 Ogos 2021. (CNBC)
- EU: **Keyakinan perniagaan Ifo Germany turun untuk bulan ketiga berturut-turut pada September 2021.** Tinjauan ifo Institute menunjukkan penurunan ini disumbangkan oleh sesakan (*bottleneck*) penawaran yang mempengaruhi jangkaan pengeluar. Indeks persekitaran perniagaan turun ke 98.8 pada bulan September dari 99.6 pada bulan Ogos. Responden turut menyatakan ketidakpastian kepada bulan-bulan mendatang. Indeks situasi semasa menyusut kepada 100.4 daripada 101.4 pada bulan sebelumnya. (RTT)
- EU: **Pertumbuhan sektor swasta Germany perlahan dengan mendadak pada September.** Pertumbuhan yang lebih perlakan disebabkan oleh gangguan bekalan yang berterusan dan kenaikan harga bahan mentah. Indeks Pengurus Pembelian sektor Pembuatan turun ke 58.5 daripada 62.6 pada Ogos. (RTT)
- UK: **Sektor swasta mencatat pertumbuhan paling lemah dalam 7 bulan** didorong oleh kekurangan bahan dan tenaga kerja mengekang aktiviti perniagaan dan mendorong tekanan inflasi. IHS Markit menunjukkan Indeks output komposit Chartered Institute of Procurement & Supply jatuh ke 54.1 dari 54.8 pada Ogos. (RTT)
- JAPAN: **Inflasi harga pengguna (IHP) Japan merosot 0.4% tahun ke tahun pada Ogos berbanding -0.3%, yang dicatatkan pada Julai 2021.** Indeks Harga Pengguna Teras, tidak berubah pada asas perbandingan tahun ke tahun. Pada asas perbandingan bulan ke bulan yang disesuaikan mengikut musim, inflasi keseluruhan turun -0.2% dan IHP teras turun -0.1%. (RTT)
- INDIA: **Import minyak masak meningkat 59% tahun ke tahun pada September kepada 1.65 juta tan** apabila syarikat penapisan meningkatkan pembelian setelah kerajaan mengurangkan duti import menjelang musim perayaan. Pengimport minyak masak terbesar di dunia dijangka membuat pembelian sebanyak 1.4 juta tan pada bulan Oktober. (Reuters)
- SINGAPORE: **Pertumbuhan pengeluaran industri menyederhana apabila meningkat pada kadar yang lebih perlakan pada bulan Ogos.** Economic Development Board melaporkan output industri meningkat 11.2% tahun ke tahun pada Ogos, selepas kenaikan 16.4% pada bulan Julai. Tidak termasuk pembuatan bioperubatan, pengeluaran industri meningkat 13.6%. (RTT).

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Sebanyak RM400 bilion diperuntukan untuk membiayai projek sambungan dan projek baharu di bawah RMK12.** Dalam lima tahun ke depan, ekonomi negara dijangka pulih dan mencapai **pertumbuhan yang lebih mapan antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus.**
2. Kira-kira 120 hotel yang dijejaki oleh MAH telah ditutup sementara atau selama-lamanya, dengan industri **mengalami kerugian yang dianggarkan melebihi RM6.5 bilion untuk tahun 2020**, dan RM9 bilion lagi sehingga Ogos 2021.
3. Tujuh buah hotel di bawah Kumpulan Shangri-la di Malaysia telah **memberikan perlindungan kemalangan diri tanpa caj tambahan** mulai 22 September 2021. Perlindungan kemalangan diri StaySurance yang ditawarkan oleh Shangri-la Malaysia ditaja jamin oleh AIG, dengan faedah tunai hospital harian sehingga AS\$100 (RM418.85) sehari.
4. Jumlah perdagangan negara kekal kukuh semasa Rancangan Malaysia Kesebelas (RKM-11) berkembang empat peratus setahun meskipun persekitaran luaran yang mencabar. **Eksport kasar Malaysia berkembang sebanyak 4.8 peratus setahun sepanjang rancangan pembangunan lima tahun itu, disokong terutamanya oleh barangan pembuatan** yang menyumbang 86.4 peratus daripada jumlah eksport pada 2020. Eksport barangan pembuatan meningkat sebanyak 6.3 peratus setahun, dipacu oleh produk elektrik dan elektronik (E&E), kimia, peralatan optik dan saintifik serta getah.
5. **Industri halal dijangka menyumbang kepada 8.1 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan penjanaan pendapatan eksport berjumlah RM56 bilion pada 2025.** Pembangunan industri halal akan diperkuuh bagi melahirkan pemain industri halal tempatan yang berdaya saing dalam merebut peluang pasaran halal global yang lebih besar. Dalam menjadikan Malaysia sebagai hab halal global, rantai bekalan halal akan ditambah baik dan Malaysia akan dipromosi sebagai destinasi pelaburan halal melalui pelbagai platform antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan dewan perniagaan.
6. **Industri pembinaan dan perladangan perlu meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi dalam proses pengeluaran.** Perkara ini bertujuan bagi menghadkan tenaga pekerja asing yang kini banyak digunakan untuk kedua-dua industri berkenaan.

7. Saham kumpulan AirAsia Group Bhd meningkat empat peratus kepada RM1.04 selepas dibuka pada RM1.02 dan ditutup pada RM1.01 susulan keyakinan terhadap rancangan pembukaan sekatan perjalanan antara negeri dan antarabangsa dalam masa yang terdekat. Jumlah dagangan kaunter kumpulan ini adalah sebanyak 26.36 juta, iaitu kaunter ke sembilan paling aktif didagangkan pada sesi pagi. AirAsia X Bhd (AAX) juga meningkat sebanyak 5.88% kepada sembilan sen sebelum ditutup semula pada 8.5 sen. **AirAsia menjangkakan pemulihan yang kuat bagi perjalanan udara untuk semua destinasi domestik utama**, manakala bagi penerbangan antarabangsa akan disambung semula dalam masa terdekat dengan pematuhan protokol kesihatan dan keselamatan yang ketat.
8. **Gangguan berpanjangan dalam ekonomi terus mempengaruhi prestasi Indeks Pelopor (IP) Malaysia** yang susut empat peratus untuk merekodkan 105.0 mata pada Julai 2021 daripada 109.4 mata pada Julai 2020. Prestasi IP yang lebih lemah pada bulan rujukan dan trend kadar pertumbuhan IP terlicin yang menurun sejak Mac 2021 menjangkakan prospek ekonomi Malaysia berkemungkinan berdepan ketidakpastian.
9. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menerusi 11 agensi di bawahnya **menyediakan peruntukan lebih RM7 bilion kepada usahawan dan golongan terkesan akibat COVID-19**. Program Let's XCESS SME Bank 2021 adalah kesinambungan program peringkat nasional SME Bank XCESS 2021 merupakan program yang memberi akses kepada pembiayaan dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).
10. **Pemberian bantuan membabitkan anggaran 6,600 penerima dengan peruntukan berjumlah RM3.3 juta** di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+). Syarat utama penerima bantuan itu ialah individu atau pemandu bas ekspres adalah warga negara Malaysia dan berdaftar secara rasmi sebagai pekerja dengan syarikat bas ekspres, serta mempunyai caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang masih sah.
11. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) **merekodkan 73 peratus pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara menerima vaksin COVID-19** setakat 22 September 2021.
12. RHB telah **menyediakan lebih RM20.3 bilion bantuan kewangan sepanjang tempoh pandemik bagi membantu Perusahaan Kecil dan**

Sederhana (PKS). Ia merangkumi RM12 bilion menerusi bantuan pembayaran semula serta RM8.3 bilion bagi pinjaman dan kemudahan pembiayaan.

13. Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) melalui Iltizam Program Mentor Usahawan (EMP) Ihsan dengan kerjasama 14 pusat zakat negeri akan **menyalurkan dana RM10 juta bagi membantu 4,000 ribu PKS bumiputera yang terjejas akibat pandemik**. Bantuan kewangan turut diberikan secara sekali beri sebanyak RM2,000 kepada PKS yang berkelayakan.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 24 September 2021 (<i>Non-essential</i>)	<p>Over 12,000 tourists visited Langkawi from Sept 16-22</p> <p>A total of 12,607 tourists visited Langkawi since the reopening of the tourism industry on the resort island under the tourism bubble pilot project from Sept 16 up till yesterday (Sept 22).</p> <p>The number involved 11,853 domestic tourists and 754 foreign tourists. Ministry of Tourism, Arts and Culture had previously targeted about 30,000 tourists to visit Langkawi this month, but it is not likely to be achieved due to the strict standard operating procedures imposed on tourists.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/over-12000-tourists-visited-langkawi-sept-1622
2.	New Straits Times 27 September 2021 (<i>Non-essential</i>)	<p>Malaysia's travel bubble helps but extend more financial support: Industry players</p> <p>The opening of more destinations was crucial in reviving the tourism industry devastated by the COVID-19 pandemic. Melaka, Genting Highlands and Tioman island reportedly will soon join Langkawi in the tourism green bubble project.</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/09/731101/malaysias-travel-bubble-helps-extend-more-financial-support-industry-players

3.	<p>Berita Harian 27 September 2021 <i>(Non-essential)</i></p>	<p>RMKe-12 tumpu 9 fokus utama pacu ekonomi negara</p> <p>RMKe-12 bagi tempoh 2021-2025 itu merangkumi sembilan fokus utama termasuklah Merancakkan Pertumbuhan Ekonomi, Memperkuuh Pemangkin Pertumbuhan, Meningkatkan Kesejahteraan Keluarga Malaysia, Memantapkan Keselamatan dan Ketenteraman Awam dan Membasmi Kemiskinan Tegar dan Merapatkan Jurang Pendapatan.</p> <p>RMK-12 adalah perancangan penting sebagai pelengkap kepada Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi mengembalikan semula momentum pertumbuhan ekonomi</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/869218/rmke-12-tumpu-9-fokus-utama-pacu-ekonomi-negara</p>
4.	<p>Berita Harian 27 September 2021 <i>(Non-essential)</i></p>	<p>Peruntukan RM400 bilion, 14 tindakan inovatif dalam RMKe-12</p> <p>Peruntukan pembangunan pada RMK12 adalah sebanyak RM400 bilion meliputi empat dasar pemangkin dasar dan beberapa tindakan inovatif. Dalam lima tahun ke depan, ekonomi negara dijangka pulih dan mencapai pertumbuhan yang lebih kuat dan lebih mapan antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus setahun setelah mengalami pergolakan pada akhir RMKe-11 akibat pandemik COVID-19.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/869362/peruntukan-rm400-bilion-14-tindakan-inovatif-dalam-rmke-12</p>

Penemuan penting & isu:

1. Di bawah projek gelembung pelancongan, sejumlah 12,607 orang pelancong telah tiba di Langkawi bagi tempoh 16 hingga 22 September 2021. 8,587 pelancong menggunakan mod pengangkutan udara manakala 4,020 pelancong menggunakan perkhidmatan feri ke Langkawi.
2. Pada tahun 2019, Malaysia menerima 26 juta pelancong asing dengan nilai pulangan sebanyak RM89.1 bilion.
3. RMK-12 yang bertemakan 'Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan' merupakan perancangan ekonomi yang holistik merangkumi 9 fokus utama.
4. Sebanyak RM400 bilion diperuntukan untuk membiayai projek sambungan dan projek baharu di bawah RMK12. Dalam lima tahun ke depan, ekonomi negara dijangka pulih dan mencapai pertumbuhan yang lebih mapan antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus.

Maklumbalas Bahagian:

1. Langkah Kerajaan dengan memperkenalkan gelembung pelancongan dapat membantu industri pelancongan yang terjejas teruk akibat penularan wabak COVID-19. Nilai ditambah kasar industri pelancongan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM199.4 bilion iaitu menyusut 17.1 peratus.
2. Dua fokus utama RMK-12 yang menarik perhatian ialah Merancakkan Pertumbuhan Ekonomi Membasmi Kemiskinan Tegar dan Merapatkan Jurang Pendapatan. Perancangan ini dijangka akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara pada tahun hadapan. Pada suku tahun kedua 2021, ekonomi berkembang sebanyak 16.1 peratus.
3. Didalam RMK12, ekonomi negara dijangka pulih dan mencapai pertumbuhan yang lebih mapan antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada lima tahun ke hadapan. Pada suku tahun kedua, KDNK Malaysia meningkat 16.1 peratus setelah menguncup empat suku tahun berturut-turut disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam sektor Pembuatan dan pemulihan bagi sektor Perkhidmatan.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Astro Awani 24 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pemain utama sektor pelancongan di P.Pinang sudah bersiap sedia</p> <p>Kebanyakan pemain utama sektor pelancongan di Pulau Pinang seperti bidang perhotelan serta pengusaha tempat tarikan pelancong, sudah bersiap sedia dengan segala keperluan untuk kembali beroperasi dan menerima pelawat domestik. Diharapkan dengan pembukaan semula industri pelancongan di Pulau Pinang akan terus berkembang dan ekonomi sektor pelancongan beransur pulih daripada kesan pandemik COVID-19.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemain-utama-sektor-pelancongan-di-ppinang-sudah-bersiap-sedia-321462
2.	MalayMail 26 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>With the reopening of most economic sectors, the increased movement in business travel and resumption of new, existing and backlog projects will enable the sector to work towards the pre-COVID-19 era</p> <p>Boutique hotels, especially those located in the heritage zone, were particularly popular with out-of-state visitors as well as international tourists as they were uniquely adapted but now together with most other businesses many of these are</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/09/26/after-18-months-of-frequent-closures-penangs-boutique-hotels-hang-their-hop/2008454

		<p>struggling to stay afloat after 18 months of frequent closures.</p> <p>International borders have closed since March last year while interstate travel has been frequently disrupted throughout the different iterations of the movement control order since last year.</p> <p>They really hope that interstate travel will reopen so that hoteliers can get more booking and with strict compliance of SOPs, as this would help to boost the tourism industry and hotels in the state.</p>	
3.	Berita Harian 26 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Perlu ada peraturan kawal selia agensi pelancongan dalam talian</p> <p>Persatuan Hotel Bajet dan Bisnes Malaysia (MyBHA) mahu kerajaan mewujudkan undang-undang untuk mengawal agensi pelancongan dalam talian ke arah memulihkan semula industri perhotelan negara. Ini kerana, penggunaan perkhidmatan dalam talian meningkat mendadak hasil usaha memulihkan industri perhotelan dan pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.</p> <p>Dengan mengawal keuntungan agensi pelancongan dalam talian yang mengenakan komisen terlalu tinggi, hotel akan dapat menawarkan harga lebih baik, sekali gus menguntungkan pengguna, jelas Timbalan</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/869080/perlu-ada-peraturan-kawal-selia-agensi-pelancongan-dalam-talian

		<p>Presiden MyBHA, Dr Sri Ganesh Michiel.</p> <p>Tambahan lain, penggubalan undang-undang dalam mengawal selia agensi pelancongan dalam talian akan memberikan satu konsep perniagaan yang adil.</p>	
4.	The Star 27 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Signs of life in hotel sector</p> <p>After months of on-and-off lockdowns, the hotel sector is seeing some signs of life, with quite a number already receiving bookings especially for the school holidays. Based on a survey by the Malaysian Association of Hotels (MAH), occupancy this year is likely to close at below 30%, while for 2022, domestic-focused activities will probably bring occupancy to 35%.</p> <p>About 120 hotels tracked by MAH have closed temporarily or permanently, with the industry incurring estimated losses of over RM6.5bil for 2020, and another RM9bil up till August 2021. With the reopening of most economic sectors, the increased movement in business travel and resumption of new, existing and backlog projects will enable the sector to work towards the pre-COVID-19 era.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/09/27/signs-of-life-in-hotel-sector
B. Subsektor Kesihatan			
5.	Utusan Malaysia 24 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Khairy highlights consequences of failing to treat 'Long Covid'</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/09/730473/khairy-highlights-

		<p>Failing to effectively treat Long Covid conditions on time could lead to serious long-term health consequences. For individuals affected with more serious Long Covid symptoms and need a specialised rehabilitation programme, they will be referred to a specialist hospital with rehabilitation medical specialist services that provide specialised programmes through an interdisciplinary multi-specialist approach.</p> <p>University of Malaya Medical Center, Universiti Teknologi MARA Medical Center as well as private facilities such as ReGen Hospital, Daehan Sunway, Prince Court also provide special rehabilitation program services to address the symptoms of Long Covid.</p>	<u>consequences-failing-treat-long-covid</u>
6.	New Straits Times 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>More than 57,000 surgeries deferred as COVID-19 diverts manpower, facilities</p> <p>Despite having outsourced non-COVID-19 patients to private hospitals since 2020, Health Minister Khairy Jamaluddin said the backlog on non-COVID-19 cases are still high due to a shortage of private hospitals in some states and lack of expertise in some private facilities.</p> <p>Khairy said expanding the outsourcing initiative, reopening the repurposed operation theatres in stages and extending the operation hours for surgeries on Saturdays from five hours to</p>	<u>https://www.nst.com.my/news/nation/2021/09/730489/more-57000-surgeries-deferred-COVID-19-diverts-manpower-facilities</u>

		eight hours are among methods that are being considered to resolve the backlog.	
7.	New Straits Times 24 September 2021 (<i>Essential</i>)	<p>Tread with caution our healthcare costs</p> <p>Convinced all right thinking Malaysians are shocked and even disgusted with the revelation in the Dewan Rakyat on Thursday that a COVID-19 patient was hit with a bill of up to RM400,000 after being admitted to a private hospital.</p> <p>It is not true to say that some patients had no choice but to be admitted to private hospitals although they could not afford it. In Malaysia, we have over 140 government hospitals at every nook and corner - in fact more than private ones --so their choice is clear.</p> <p>Instead, the ministry should take up Sim's suggestion that the government invokes Section 26 of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act, which provides temporary requisition of private healthcare facilities to help the government during the current pandemic.</p>	https://www.nst.com.my/opinion/letter/s/2021/09/730396/tread-caution-our-healthcare-costs
8.	New Straits Times 26 September 2021 (<i>Essential</i>)	<p>Delta makes cutting AZ dosing gap necessary, says expert</p> <p>Shortening the dosing interval for AstraZeneca vaccines anywhere from four to eight weeks after the first dose is preferred in an environment involving highly infectious variants such as Delta.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/09/730827/delta-makes-cutting-az-dosing-gap-necessary-says-expert

	<p>The protection of vaccines against infection and hospitalisation with the emerging Delta have been studied internationally, where a dose of AstraZeneca reduces the risk of symptomatic infection by around 30 per cent and hospitalisation by 71 per cent.</p> <p>On concerns surrounding the Sinovac vaccine's efficacy, he said the government could allow private hospitals or clinics to administer booster shots with the option for the people to pay for it.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Pulau Pinang, Yeoh Soon Hin memaklumkan bahawa sekatan perjalanan di negeri tersebut akan dilonggarkan menjelang pertengahan bulan Oktober apabila 90 peratus penduduk Pulau Pinang selesai menerima suntikan vaksin COVID-19. Sehingga kini 76.7 peratus penduduk dewasa di Pulau Pinang telah menerima suntikan lengkap vaksin, manakala 18.2 peratus sudah menerima suntikan dos pertama.
2. Persatuan Hotel Bajet dan Bisnes Malaysia (MyBHA) mahu kerajaan mewujudkan undang-undang untuk mengawal agensi pelancongan dalam talian ke arah memulihkan semula industri perhotelan negara. Timbalan Presiden MyBHA, Dr Sri Ganesh Michiel, memaklumkan bahawa dalam era norma baharu ketika ini, 95 peratus pelancong domestik menggunakan agensi pelancongan dalam talian yang tidak dikawal oleh mana-mana undang-undang.
3. Berdasarkan tinjauan oleh Persatuan Hotel-hotel Malaysia (MAH), kadar penghunian bagi tahun 2021 cenderung di bawah 30%, sementara untuk tahun 2022, aktiviti yang berfokus pada rumah tangga mungkin akan menjadikan kadar penghunian menjadi 35%.
4. Kira-kira 120 hotel yang dijejaki oleh MAH telah ditutup buat sementara atau selama-lamanya, dengan industri mengalami kerugian yang dianggarkan melebihi RM6.5 bilion untuk tahun 2020, dan RM9 bilion lagi sehingga Ogos 2021.

5. Menurut Pengarah Eksekutif Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO) Shaharuddin Mohamed Saaid, industri hotel tidak dapat bertahan lama tanpa pelancong antarabangsa. Semasa di bawah perintah kawalan pergerakan Hotel di negara ini dianggarkan mengalami kerugian sebanyak RM300 juta bagi setiap dua minggu ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.
6. Tujuh buah hotel di bawah Kumpulan Shangri-la di Malaysia telah memberikan perlindungan kemalangan diri tanpa caj tambahan mulai 22 September 2021. Perlindungan kemalangan diri StaySurance yang ditawarkan oleh Shangri-la Malaysia ditaja jamin oleh AIG, dengan faedah tunai hospital harian sehingga AS\$100 (RM418.85) sehari.
7. *As of August 31, Khairy said 38 public hospitals and 68 private hospitals have participated in the outsourcing exercise nationwide and successfully completed 6,623 surgeries and medical procedures.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemberian vaksin secara menyeluruh kepada setiap penduduk dan kakitangan pelancongan dapat meningkatkan imuniti kelompok seterusnya memberi peluang sektor pelancongan beroperasi dengan selamat.
2. Gelembung pelancongan dijangkakan akan memberi kesan peningkatan pendapatan industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST3 2021.
3. Kebanyakkan kes tinggi adalah di sebabkan kes yang tertunggak dan memerlukan pusat rawatan yang lebih banyak dalam masa yang sama juga telah banyak hospital awam dan swasta membantu kerajaan serta memanjangkan tempoh pengoperasian pada hujung minggu.
4. Bagi pesakit Long Covid, kerajaan tidak memaksa rakyat yang kurang berkemampuan untuk dirawat di hospital swasta, malahan mereka juga boleh memilih untuk dirawat di hospital kerajaan.
5. Cadangan untuk memendekkan tempoh selang dos bagi AstraZeneca adalah bersesuaian dengan varian Delta di mana 30 peratus mampu melawan risiko jangkitan dan 71 peratus kemasukan ke hospital menurut kajian antarabangsa.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 27 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Jumlah perdagangan Malaysia kekal kukuh dalam RMK-11 meskipun persekitaran mencabar</p> <p>Jumlah perdagangan negara kekal kukuh semasa Rancangan Malaysia Kesebelas (RKM-11) berkembang empat peratus setahun meskipun persekitaran luaran yang mencabar.</p> <p>Eksport kasar Malaysia berkembang sebanyak 4.8 peratus setahun sepanjang rancangan pembangunan lima tahun itu, disokong terutamanya oleh barang pembuatan yang menyumbang 86.4 peratus daripada jumlah eksport pada 2020.</p> <p>Eksport barang pembuatan meningkat sebanyak 6.3 peratus setahun, dipacu oleh produk elektrik dan elektronik (E&E), kimia, peralatan optik dan saintifik serta getah.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2007495
2.	Harian Metro 27 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>RMK-12: Industri halal bakal jana eksport RM56 bilion</p> <p>Industri halal dijangka menyumbang kepada 8.1 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan penjanaan pendapatan eksport berjumlah</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/759898/rmk-12-industri-halal-bakal-jana-eksport-rm56-bilion

	<p>RM56 bilion pada 2025, demikian menurut dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang dikeluarkan Unit Perancang Ekonomi (EPU) hari ini.</p> <p>Oleh itu, pembangunan industri halal akan diperkuuh bagi melahirkan pemain industri halal tempatan yang berdaya saing dalam merebut peluang pasaran halal global yang lebih besar.</p> <p>Dalam menjadikan Malaysia sebagai hab halal global, rantaian bekalan halal akan ditambah baik dan Malaysia akan dipromosi sebagai destinasi pelaburan halal melalui pelbagai platform antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan dewan perniagaan.</p> <p>Dalam RMK-11, industri halal berkembang pada kadar purata 5.5 peratus setahun manakala nilai eksport halal telah meningkat sedikit pada kadar 0.8 peratus setahun daripada RM39.4 bilion kepada RM40.6 bilion dalam tempoh 2016 hingga 2019.</p>	
Penemuan penting & isu:		
<ol style="list-style-type: none"> 1. Jumlah perdagangan negara kekal kukuh semasa Rancangan Malaysia Kesebelas (RKM-11) berkembang empat peratus setahun meskipun persekitaran luaran yang mencabar. Eksport kasar Malaysia berkembang sebanyak 4.8 peratus setahun sepanjang rancangan pembangunan lima tahun itu, disokong terutamanya oleh barang pembuatan yang menyumbang 86.4 peratus daripada jumlah eksport pada 2020. Eksport 		

barang pembuatan meningkat sebanyak 6.3 peratus setahun, dipacu oleh produk elektrik dan elektronik (E&E), kimia, peralatan optik dan saintifik serta getah.

2. Industri halal dijangka menyumbang kepada 8.1 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan penjanaan pendapatan eksport berjumlah RM56 bilion pada 2025. Pembangunan industri halal akan diperkuuh bagi melahirkan pemain industri halal tempatan yang berdaya saing dalam merebut peluang pasaran halal global yang lebih besar. Dalam menjadikan Malaysia sebagai hab halal global, rantaian bekalan halal akan ditambah baik dan Malaysia akan dipromosi sebagai destinasi pelaburan halal melalui pelbagai platform antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan dewan perniagaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport bagi tahun 2020 adalah RM981.0 bilion berbanding RM777.4 bilion pada tahun 2015. Eksport pada tahun 2020 meningkat 26.2 peratus atau secara purata 4.8 peratus setahun. Sektor pembuatan merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan nilai eksport sebanyak RM849.5 bilion atau 86.3 peratus, diikuti oleh sektor pertanian (RM71.7 bilion atau 7.3 peratus) dan sektor perlombongan (RM58.4 bilion atau 5.9 peratus). Barang elektrik dan elektronik merupakan produk utama eksport 2020 sebanyak RM386.3 bilion atau 39.0 peratus, diikuti oleh minyak kelapa dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (RM73.3 bilion atau 7.5 peratus) dan keluaran petroleum bertapis (RM53.7 bilion atau 5.5 peratus). Nilai import bagi tahun 2020 adalah RM800.5 bilion, disumbangkan oleh sektor pembuatan (RM687.7 bilion atau 85.9 peratus), sektor pertanian (RM48.7 bilion atau 6.1 peratus) dan sektor perlombongan (RM48.6 bilion atau 6.0 peratus).
2. Nilai eksport produk halal bagi tahun 2020 adalah RM30.5 bilion dan menyumbang 3.1 peratus kepada keseluruhan nilai eksport. Eksport makanan dan minuman merupakan penyumbang utama kepada eksport produk halal sebanyak RM17.4 bilion atau 56.9 peratus, diikuti oleh bahan halal (RM8.8 bilion atau 28.9 peratus) dan kosmetik dan barang penjagaan peribadi (RM2.7 bilion atau 8.7 peratus).

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan Malaysia	Tenaga pekerja asing dihadkan tidak lebih 15 peratus	https://www.utusan.com.my/berita/2021/0

	27 September 2021 <i>(non-essential)</i>	Industri pembinaan dan perladangan perlu meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi dalam proses pengeluaran.	9/tenaga-pekerja-asing-dihadkan-tidak-lebih-15-peratus/
2.	TechSpot 25 September 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>Malaysia aluminum disruption adds to global chip shortage</p> <p>Covid-related lockdowns in Malaysia have restrained the manufacture and supply of aluminum capacitors, adding another wrinkle to the global chip shortage. This follows recent problems in the supply of components like rare earth metals and ceramics.</p>	https://www.techspot.com/news/91426-malaysia-aluminum-disruption-adds-global-chip-shortage.html
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Industri pembinaan dan perladangan perlu meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi dalam proses pengeluaran. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia bertujuan bagi menghadkan tenaga pekerja asing yang kini banyak digunakan untuk kedua-dua industri berkenaan. 2. <i>Digitimes Asia reports that Japanese suppliers Chemi-Con and Nichicon had to close their facilities in Malaysia because of Covid lockdowns in July and August. Even after ending the lockdowns, they've reportedly only returned to around 60 percent of their workforce, which has forced them to cap their manufacturing capacity. Shipments of aluminum capacitors from Malaysia could decrease by between 30 and 60 percent due to the Covid situation there. Lead times have increased to over six months. The lockdowns in Malaysia have also affected the supply of ceramic capacitors, which are essential for circuit boards. A shortage of display driver chips this year could affect the manufacture of everything that comes with a screen.</i> 			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada beberapa sektor ekonomi, yang mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing, terutama sektor pembinaan dan perladangan akibat pembekuan pengambilan pekerja asing. Bagi mengatasi isu ini, industri perlu meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi dalam proses pengeluaran. Dalam tempoh jangka panjang, jumlah pekerja asing dalam tenaga kerja dihadkan kepada tidak melebihi 15 peratus. 			

<p>Statistik Banci Ekonomi bagi tahun rujukan 2015 merekodkan penggunaan tenaga asing sebanyak 35.8 peratus daripada 1.3 juta tenaga kerja sektor pembinaan.</p> <p>2. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia telah menyebabkan berlakunya masalah rantaian bekalan kapasitor aluminium secara global. Kilang pengeluaran kapasitor aluminium di Malaysia terpaksa ditutup menyebabkan kilang elektronik di Jepun dan Taiwan juga terpaksa ditutup akibat kekurangan stok bekalan cip dan kapasitor aluminium dari Malaysia. Penghantaran kapasitor aluminium dari Malaysia juga menurun antara 30 hingga 60 peratus disebabkan COVID-19. Pada masa yang sama, data Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) bagi bulan rujukan Julai 2021 turut menunjukkan penurunan sebanyak 1.6% bagi kumpulan Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal berbanding tahun sebelumnya.</p>			
E.	Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 24 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>AirAsia rises in active trade on stronger air travel demand expectations</p> <p>Shares in low-cost carrier group AirAsia Group Bhd rose in active trade this morning after it expressed confidence in interstate and international travel revival in the near future. The stock gained as much as four sen or 4% to RM1.04 after opening two sen higher at RM1.02. However, it had pared most gains at RM1.01 at 9.58am as investors took profit, leaving it up only one sen or 1%. The counter, which had seen 26.36 million shares traded, was the ninth most actively traded stock this morning. AirAsia X Bhd (AAX) also climbed as much as half a sen or 5.88% to nine sen, before settling unchanged at 8.5 sen at 10.01am. AirAsia expects a strong recovery for air travel for all the key domestic destinations, and for international flights to resume in the near future, complemented by</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/airasia-rises-active-trade-stronger-air-travel-demand-expectations

	<p>stringent health and safety protocols that the airline had put in place. It said following the government's announcement of the resumption of interstate travel and the reopening of tourism activities once the vaccination rate of adults reaches 90% in Malaysia, the group is all geared up to fully restore its domestic and international services. As vaccination rates across the globe continue to rise, AirAsia anticipated interstate leisure air travel will gradually continue to reopen first, potentially in the coming weeks, and that international travel could resume within the next few months, especially in the ASEAN region where inoculation rates are accelerating and the airline is fully ready to welcome all guests with the highest safety standards. According to AirAsia, for Langkawi alone, AirAsia sold over 260,000 seats in just over a week, which was a strong testament to the level of pent-up demand for domestic travel.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Saham kumpulan AirAsia Group Bhd meningkat empat peratus kepada RM1.04 selepas dibuka pada RM1.02 dan ditutup pada RM1.01 susulan keyakinan terhadap rancangan pembukaan sekatan perjalanan antara negeri dan antarabangsa dalam masa yang terdekat. Jumlah dagangan kaunter kumpulan ini adalah sebanyak 26.36 juta, iaitu kaunter ke sembilan paling aktif didagangkan pada sesi pagi. AirAsia X Bhd (AAX) juga meningkat sebanyak 5.88% kepada sembilan sen sebelum ditutup semula pada 8.5 sen. AirAsia menjangkakan pemulihan yang kuat bagi perjalanan udara untuk semua destinasi domestik utama, manakala bagi penerbangan antarabangsa akan disambung semula dalam masa terdekat dengan pematuhan protokol kesihatan dan keselamatan yang ketat. Perkara ini berikut pengumuman kerajaan mengenai pembukaan

rentas negeri dan aktiviti pelancongan memandangkan kadar vaksinasi orang dewasa telah mencapai 90% di Malaysia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengumuman kerajaan mengenai pembukaan rentas negeri dan aktiviti pelancongan telah memberi jangkaan bahawa aktiviti perjalanan udara akan memulih tidak lama lagi. Perkara ini turut dicerminkan melalui lonjakan saham kumpulan AirAsia menjadikannya kaunter kesembilan paling aktif didagangkan. Situasi ini akan memberi kesan kepada penyusunan Statistik Kewangan dan Perkhidmatan terutamanya komponen Pengangkutan dan Perjalanan. Pada suku tahun kedua 2021, Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM7.0 bilion. Sementara itu, komponen Pengangkutan mencatatkan defisit yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM8.1 bilion pada suku tahun kedua 2021 berbanding RM7.6 bilion pada suku sebelumnya. Komponen Perjalanan pula merekodkan defisit sebanyak RM3.6 bilion (ST2 2021) berbanding RM3.4 bilion pada suku sebelumnya.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 24 Sept. 2021 (<i>Non-essential</i>)	<p>Gangguan berterusan jejas prospek ekonomi</p> <p>Gangguan berpanjangan dalam ekonomi terus mempengaruhi prestasi Indeks Pelopor (IP) Malaysia yang susut empat peratus untuk merekodkan 105.0 mata pada Julai 2021 daripada 109.4 mata pada Julai 2020.</p> <p>Ketua Perangkawan menyatakan prestasi IP yang lebih lemah pada bulan rujukan dan trend kadar pertumbuhan IP terlicin yang menurun sejak Mac 2021 menjangkakan prospek ekonomi Malaysia berkemungkinan berdepan ketidakpastian.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/868169/gangguan-berterusan-jejas-prospek-ekonomi

2.	Harian Metro 24 Sept. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Medac sedia peruntukan RM7b untuk usahawan terkesan</p> <p>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) menerusi 11 agensi di bawahnya menyediakan peruntukan lebih RM7 bilion kepada usahawan dan golongan terkesan akibat COVID-19.</p> <p>Kumpulan yang dapat manfaat daripada peruntukan itu adalah golongan terkesan kerana pandemik termasuk kumpulan informal dan industri kecil sederhana (IKS).</p> <p>Program Let's XCESS SME Bank 2021 ini adalah kesinambungan program peringkat nasional SME Bank XCESS 2021, ia dianjurkan secara dalam talian pada Julai lalu dan merupakan program yang memberi akses kepada pembiayaan dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/758589/medac-sedia-peruntukan-rm7b-untuk-usahawan-terkesan
3.	Berita Harian 27 Sept. 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Agensi pelancongan berlesen terima bantuan RM3,000</p> <p>Kerajaan akan menyalurkan bantuan kewangan RM3,000 kepada syarikat pengendalian pelancongan berlesen di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Ini kali kedua bantuan sama diberikan kepada agensi pelancongan berdaftar, selain bantuan menerusi Program</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/869355/agensi-pelancongan-berlesen-terima-bantuan-rm3000

	Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA).	
Penemuan penting & isu:		
<p>1. Gangguan berpanjangan dalam ekonomi terus mempengaruhi prestasi Indeks Pelopor (IP) Malaysia yang susut empat peratus untuk merekodkan 105.0 mata pada Julai 2021 daripada 109.4 mata pada Julai 2020. Prestasi IP yang lebih lemah pada bulan rujukan dan trend kadar pertumbuhan IP terlicin yang menurun sejak Mac 2021 menjangkakan prospek ekonomi Malaysia berkemungkinan berdepan ketidakpastian.</p> <p>2. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menerusi 11 agensi di bawahnya menyediakan peruntukan lebih RM7 bilion kepada usahawan dan golongan terkesan akibat COVID-19. Program Let's XCESS SME Bank 2021 adalah kesinambungan program peringkat nasional SME Bank XCESS 2021 merupakan program yang memberi akses kepada pembiayaan dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).</p> <p>3. Kerajaan akan menyalurkan bantuan kewangan RM3,000 kepada syarikat pengendalian pelancongan berlesen di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemuliharan Ekonomi (PEMULIH). Ini merupakan bantuan kali kedua yang diberikan kepada agensi pelancongan berdaftar, selain bantuan menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA).</p>		
Maklumbalas Bahagian:		
<p>1. Indeks Pelopor (IP) yang menyusut pada bulan Julai 2021 dan trend kadar pertumbuhan IP terlicin yang menurun sejak Mac 2021 menjangkakan prospek ekonomi Malaysia berkemungkinan berdepan ketidakpastian. Walau bagaimanapun, impak positif daripada pelbagai strategi ekonomi dan kesihatan di samping perubahan gaya hidup norma baru serta pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) mendorong kepada memulihkan prospek ekonomi jangka pendek.</p> <p>2. Peruntukan lebih RM7 bilion kepada usahawan dan golongan terkesan akibat COVID-19 oleh MEDAC dengan pelbagai inisiatif dan strategi pembangunan usahawan PKS supaya dapat meneruskan perniagaan dengan lebih tersusun dan efektif. Selain itu, usaha ini dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara seterusnya membantu pemuliharan ekonomi negara. Pada tahun 2020 sumbangan KDNK PKS mencatatkan 38.2 peratus dengan nilai ditambah sebanyak</p>		

<p>RM512.8 bilion berbanding 38.9 peratus (nilai ditambah: RM553.5 bilion) pada tahun sebelumnya.</p>			
G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 24 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Bantuan RM500 sekali-beri untuk pemandu bas ekspres</p> <p>Kerajaan bersetuju memberi bantuan kewangan secara sekali-beri RM500 kepada semua pemandu bas ekspres di seluruh negara.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/758752/bantuan-rm500-sekali-beri-untuk-pemandu-bas-ekspres
2.	Harian Metro 26 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Lebih RM11 juta dibayar kepada pekerja positif COVID-19</p> <p>PERKESO telah membayar lebih dari RM11.1 juta kepada pekerja tempatan dan asing yang disahkan positif COVID-19. RM10.1 juta merupakan pampasan kepada pekerja tempatan manakala lagi RM 1 juta diberikan kepada pekerja warga asing. Selain itu, mereka turut menyalurkan sebanyak RM3.5 juta kepada 1,792 waris pekerja tempatan bagi faedah Pengurusan jenazah.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/759398/lebih-rm11-juta.dibayar-kepada-pekerja-positif-covid19-metrov
3.	Harian Metro 26 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Terus santuni golongan B40</p> <p>Dalam usaha meringankan beban mereka yang memerlukan, Jalinan Kerjasama antara Harian Metro dan Kedai Ayamas menerusi Program bakul makanan diteruskan. Dengan mendapat kerjasama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, 10,000 ekor ayam mentah telah</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/759297/terus-santuni-golongan-b40-metrov

		pun diagihkan kepada 5,000 keluarga di seluruh Malaysia.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Pemberian bantuan membabitkan anggaran 6,600 penerima dengan peruntukan berjumlah RM3.3 juta di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+). Syarat utama penerima bantuan itu ialah individu atau pemandu bas ekspres adalah warga negara Malaysia dan berdaftar secara rasmi sebagai pekerja dengan syarikat bas ekspres, serta mempunyai caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang masih sah.
2. Sebanyak RM11 juta telah diperuntukkan oleh PERKESO sebagai pampasan kepada pekerja tempatan dan pekerja warga asing yang disahkan positif COVID-19.
3. Dengan mendapat kerjasama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, 10,000 ekor ayam mentah telah pun diagihkan kepada 5,000 keluarga di seluruh Malaysia menerusi program bantuanbakul makanan Jalinan Kerjasama Harian Metro dan Kedai Ayamas.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan persekutuan dan negeri menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan perbelanjaan isi rumah, kumpulan pendapatan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).

H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 26 September 2021 (<i>Non-Essential</i>)	13,104 kes COVID-19 hari ini Angka penularan kes harian COVID-19 di negara ini terus mencatatkan penurunan dengan 13,104 kes hari ini (26 September 2021) berbanding semalam, 13,899 kes.	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/09/868970/13104-kes-COVID-19-hari-ini

	<p>Perkembangan itu menjadikan jumlah individu yang dijangkiti COVID-19 setakat ini, 2,198,235 kes.</p> <p>Sementara itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sejumlah 278 kematian baharu akibat jangkitan COVID-19 setakat tengah malam tadi.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Lima negeri mencatatkan kes empat angka dengan Sarawak menjadi negeri tertinggi melaporkan kes harian dengan 2,943 kes. Ia disusuli Selangor dengan 1,558 kes baharu, Johor (1,455), Kelantan (1,206), Sabah (1,078), Perak (994) dan Pulau Pinang (955). Turut mencatatkan kes ialah Kedah dengan 721 kes, Terengganu (685), Pahang (604), Melaka (362), Kuala Lumpur (270), Negeri Sembilan (165), Perlis (80), Putrajaya (24) dan Labuan, empat kes. Secara keseluruhannya, daripada jumlah kes baharu yang dikesan hari ini, terdapat 12,903 kes berada dalam kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala serta bergejala ringan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sejumlah 278 kematian baharu akibat jangkitan COVID-19 setakat tengah malam tadi. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kematian disebabkan wabak itu kepada 25,437 kes, iaitu 1.15 peratus daripada 2,193,434 kes positif COVID-19 yang dikesan di negara ini. Menurut data KKM di portal COVIDNOW, sejumlah 99 daripada 278 kes kematian yang dilaporkan berlaku di luar hospital (brought-in-dead atau BID). Bagaimanapun, jumlah kematian yang dilaporkan itu turut merangkumi sejumlah kes tertunggak dengan ada antara kes meninggal dunia beberapa minggu lalu. Tunggakan kes itu berlaku kerana proses bagi mengesahkan sama ada pesakit COVID-19 meninggal dunia akibat wabak itu, memakan masa.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
 - Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;

<ul style="list-style-type: none"> - Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu. - Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun. - Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian. <p>Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.</p>

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 24 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>73 peratus pelajar IPT divaksin – KPT</p> <p>Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merekodkan 73 peratus pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara menerima vaksin COVID-19 setakat Rabu lalu. Peratus yang direkodkan menunjukkan pelajar IPT semakin memahami akan kepentingan vaksinasi.</p> <p>Dalam kalangan kakitangan, kadar mencecah 91 peratus, ini bermakna vaksinasi meliputi kedua-dua pihak, pelajar dan kakitangan.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/868193/73-peratus-pelajar-ipt-divaksin-kpt
2.	Berita Harian 24 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>KKM tunggu data ujian klinikal vaksinasi kanak-kanak – Khairy</p> <p>Kementerian Kesihatan (KKM) dalam proses rundingan dengan syarikat pengeluar vaksin bagi mendapatkan perolehan data untuk tujuan vaksinasi kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/868320/kkm-tunggu-data-ujian-klinikal-vaksinasi-kanak-kanak-khairy

	Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, telah mengadakan pertemuan dengan sebuah syarikat pengeluar vaksin yang baru-baru ini mengeluarkan data ujian klinikal awal vaksinasi kelompok kanak-kanak usia berkenaan.	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merekodkan 73 peratus pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara menerima vaksin COVID-19 setakat 22 September 2021.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam proses rundingan dengan syarikat pengeluar vaksin bagi mendapatkan perolehan data untuk tujuan vaksinasi kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kakitangan dan penuntut IPT haruslah divaksin sebelum pembukaan semula IPT bagi memastikan kelas secara fizikal dilaksanakan dalam keadaan selamat kepada semua pihak. Merujuk kepada My Local Stats 2019, bilangan penuntut di universiti awam pada 2019 adalah seramai 567,625 orang.
2. Kanak-kanak adalah antara golongan yang berisiko dijangkiti COVID-19. Pemberian vaksin kepada golongan usia 12 tahun ke bawah adalah antara inisiatif kerajaan bagi melindungi golongan tersebut daripada jangkitan virus COVID-19. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah di Malaysia adalah seramai 6,593.1 ribu orang.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro Online 25 September 2021 (Essential)	Jual 'raja sungai' bernyawa guna kurier Idea unik apabila seorang penternak ikan 'raja sungai' menggunakan khidmat kurier untuk menghantar ikan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/759109/jual-raja-sungai-bernyawa-guna-kurier

		ternakannya secara hidup-hidup ke seluruh negara.	
2.	Sinar Harian Online 26 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Dulu 'pengurus' kini pengusaha cili, pemuda raih pendapatan lima angka</p> <p>Bekas pengurus kedai telekomunikasi yang hilang pekerjaan pada Mac tahun lepas akibat pandemik COVID-19, kini adalah seorang petani berjaya yang meraih pendapatan lima angka sebulan.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/163549/BISNES/Dulu-pengurus-kini-pengusaha-cili-pemuda-raih-pendapatan-lima-angka
3.	Utusan Online 26 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Kudrat muda raih RM8,000 jual jagung</p> <p>Seorang bekas pekerja gudang ikan memperoleh pendapatan RM8,000 bagi setiap satu pusingan hasil tanaman jagung di kawasan 0.4 hektar yang diusahakannya selepas ketidaaan pekerjaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Felda Kota Gelanggi Dua, dekat sini.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/09/kudrat-muda-raih-rm8000-jual-jagung/
4.	Berita Harian Online 27 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Konsortium koperasi atasi lambakan ikan patin sangkar</p> <p>Penternak ikan patin sangkar di Sungai Pahang di Temerloh, Jerantut dan Lipis yang berdepan masalah pasaran disaran menyertai Konsortium Penternakan Ikan Patin Sungai Pahang bagi mengatasi lambakan ikan.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/869139/konsortium-koperasi-atasi-lambakan-ikan-patin-sangkar

Penemuan penting & isu:

1. Pelbagai faktor perlu diambil kira termasuk mengenal pasti syarikat penghantaran yang boleh menghantar pesanan kepada pelanggan dengan cepat. Anak ikan kelah bersaiz dari tiga hingga lima inci ini hanya mampu bertahan di dalam bungkusan plastik diisi oksigen dalam tempoh 24 jam. Proses kuarantine termasuk memberi ubat kuman selain anak ikan tidak diberi makan dalam tempoh berkenaan. Ia kemudian dimasukkan ke dalam plastik yang diisi dengan oksigen dan dipos kepada pelanggan. Anak ikan kelah dijual antara RM15 hingga RM30 seekor bergantung kepada saiz dengan pembelian minimum sebanyak 10 ekor selain pelanggan turut membayar kos penghantaran dan sejak berkecimpung dalam bidang berkenaan, sebanyak 10,000 anak ikan kelah sudah dijual kepada orang ramai.
2. Menanam sebanyak 800 pokok lada solok bermodalkan RM4,000. Selepas gagal kali pertama beliau mencuba pula menanam sebanyak 1,200 pokok terung secara konvensional. Dalam tempoh seminggu sahaja kira-kira 300-kilogram (kg) terung dapat dituai sehari dengan hasil jualan mencecah RM800. Disamping itu juga, mula mengusahakan 1,000 pokok lada burung secara fertigasi menggunakan geran sebanyak RM10,000 yang diperoleh daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Ia membuat hasil, apabila tanaman itu menjana 70 hingga 100 kg lada burung dan dijual kepada peraih di sekitar daerah dengan harga RM12 hingga RM15 sekilogram, mengikut harga pasaran semasa.
3. Dengan wang simpanan sebanyak RM1,200 memulakan tanaman benih jagung pada pusingan pertama awal tahun ini dan berhasil tumbuh sebanyak 6,000 tongkol jagung dijual cuma dalam tempoh 10 hari dengan pendapatan kira-kira RM8,000. Tujuh tongkol (jagung) dijual dengan harga RM10 boleh dibeli di gerai hadapan kebun secara pandu lalu dan tempahan hantar dan bayar (COD).
4. Konsortium Penternakan Ikan Patin Sungai Pahang yang ditubuhkan pada 2017 kini disertai sembilan koperasi dengan keahlian 2,500 orang dan menyasarkan 50 koperasi dari Pahang menyertai konsortium berkenaan.

Maklumbalas bahagian:

1. Inisiatif penternak memasarkan ikan 'raja sungai' menggunakan khidmat kurier untuk menghantar ikan ternakannya secara hidup-hidup ke seluruh negara merupakan inisiatif yang baik dalam memastikan rantaian bekalan ini sampai kepada pengguna. Inisiatif ini juga dilihat semakin digunakan oleh penggiat pertanian lain dalam usaha mengurangkan lambakan bekalan yang akan menyebabkan pembaziran dan kerugian.

2. Penglibatan lebih ramai individu dalam sektor pertanian ketika pandemik ini dapat meningkatkan pengeluaran produk pertanian dalam negara dan ini secara tidak langsung akan mengurangkan kebergantungan negara kepada import. Selain itu, usaha ini juga dilihat dapat menjana pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup petani. Berdasarkan penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih 2016-2020, pengeluaran terung dan jagung manis pada 2020 menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Pengeluaran terung dan jagung manis masing-masing adalah 39,103.3 tan metrik dan 68,207.4 tan metrik. Import bagi kedua-dua item ini menunjukkan penurunan pada 2020 berbanding 2019.

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
5.	The Edge Market 26 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>SOCSO paid RM11.19 million in compensation to employees infected with COVID-19 at workplaces as at Sept 18</p> <p>The Social Security Organisation (SOCSO) had paid over RM11.19 million in compensation to employees infected with COVID-19 at workplaces, involving 15,036 cases, as of Sept 18.</p> <p>More than RM10 million was paid to local workers involving 13,170 cases, while over RM1 million was paid to foreign workers comprising 1,866 cases.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/socso-paid-rm1119-million-compensation-employees-infected-covid19-workplaces-sept-18
6.	The Edge Market 25 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>MOSTI targeting 5,000 employment opportunities next year, says Dr Adham</p> <p>The Science, Technology and Innovation Ministry (MOSTI) is targeting 5,000 job opportunities</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/mosti-targeting-5000-employment-opportunities-next-year-says-dr-adham

		<p>through the implementation of various programmes and initiatives next year.</p> <p>A total of 4,145 individuals in deep technology and related fields had obtained jobs through similar initiatives carried out in January until end of August this year. So the target of creating 4,700 job opportunities through the initiative is believed will be achieved before end of this year.</p>	
7.	The Edge Market 24 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>RHB extended RM20.3b in financial assistance to SMEs during pandemic</p> <p>RHB has provided more than RM20.3 billion in financial assistance throughout the COVID-19 pandemic and prolonged Movement Control Order (MCO) period to assist small and medium enterprises (SMEs) in bolstering their financial positions. RM20.3 billion in financial assistance comprises RM12 billion in repayment and assistance and more than RM8.3 billion in loans and financing facilities.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/rhb-extended-rm203b-financial-assistance-smes-during-pandemic
8.	The Edge Market 24 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Ekuinas sets up RM10m fund for 4,000 micro, small bumiputera enterprises</p> <p>Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas), through its Iltizam Entrepreneur Mentor Programme (EMP) Ihsan</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/ekuinias-sets-rm10m-fund-4000-micro-small-bumiputera-enterprises

		<p>and the cooperation of 14 state zakat entities, will allocate a RM10 million fund to help 4,000 micro and small bumiputera enterprises hit by the pandemic crisis.</p> <p>In the next eight months, Ekuinas will provide one-off financial assistance of RM2,000 to each business to serve as working capital, capital for expansion into new areas, as well as operational expenses such as rental, salaries and utilities.</p>	
9.	Berita Harian 24 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>KWSP bimbang keselamatan persaraan rakyat</p> <p>Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) amat bimbang dengan keselamatan persaraan rakyat. Terdapat sejumlah 46 peratus ahli yang berusia di bawah 55 tahun hanya mempunyai kurang daripada RM10,000 dalam simpanan mereka. COVID-19 juga mencetuskan peningkatan jumlah pekerja gig di negara ini, biarpun ia membantu mereka untuk bertahan, ramai yang berhadapan dengan masalah ketidakcukupan simpanan persaraan akibat pendapatan yang tidak tetap atau stabil. Strategi utama KWSP di masa hadapan adalah untuk memastikan pekerja gig serta mereka yang bekerja dalam sektor tidak formal untuk diserap ke dalam Skim KWSP agar mereka juga berpeluang menabung seawal mungkin dan merancang persaraan.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/868284/kwsp-bimbang-keselamatan-persaraan-rakyat

Penemuan penting & isu:

1. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah membayar pampasan lebih RM11.19 juta kepada pekerja yang dijangkiti COVID-19 di tempat kerja, melibatkan 15,036 kes sehingga 18 September 2021. Lebih RM10 juta dibayar kepada pekerja tempatan melibatkan 13,170 kes, manakala lebih RM1 juta telah dibayar kepada pekerja asing melibatkan 1,866 kes.
2. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan 5 ribu peluang pekerjaan menerusi pelbagai pelaksanaan program dan inisiatif tahun hadapan. Sejumlah 4,145 individu dalam bidang *deep technology* dan yang berkaitan telah memperoleh pekerjaan sejak Januari lalu. Sasaran adalah untuk mewujudkan 4,700 peluang pekerjaan menjelang hujung tahun kelak.
3. RHB telah menyediakan lebih RM20.3 bilion bantuan kewangan sepanjang tempoh pandemik bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Ia merangkumi RM12 bilion menerusi bantuan pembayaran semula serta RM8.3 bilion bagi pinjaman dan kemudahan pembiayaan.
4. Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) melalui Iltizam Program Mentor Usahawan (EMP) Ihsan dengan kerjasama 14 pusat zakat negeri akan menyalurkan dana RM10 juta bagi membantu 4,000 ribu PKS bumiputera yang terjejas akibat pandemik. Bantuan kewangan turut diberikan secara sekali beri sebanyak RM2,000 kepada PKS yang berkelayakan.
5. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menyatakan 46 peratus ahli yang berusia di bawah 55 tahun hanya mempunyai kurang daripada RM10,000 dalam simpanan mereka. Meskipun COVID-19 mencetuskan peningkatan jumlah pekerja gig, ramai yang berhadapan dengan masalah ketidakcukupan simpanan persaraan akibat pendapatan yang tidak tetap atau stabil. Strategi utama KWSP di masa hadapan adalah untuk memastikan pekerja gig serta mereka yang bekerja dalam sektor tidak formal untuk diserap ke dalam Skim dan berpeluang menabung seawal mungkin serta merancang persaraan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Julai 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,072.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,294.8 ribu
 - iii) Penganggur: 778.2 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,475.4 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

2. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
 - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
 - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
 - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)
5. Statistik guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana(PKS) mengikut aktiviti utama ekonomi bagi 2020 berdasarkan Laporan PKS 2020 adalah seperti berikut:
 - vii) Pertanian: 779 ribu orang (Sumbangan: 10.7%)
 - viii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
 - ix) Pembuatan: 1,187 ribu orang (Sumbangan: 16.4%)
 - x) Pembinaan: 673 ribu orang (Sumbangan: 9.3%)
 - xi) Perkhidmatan: 4,593 ribu orang (Sumbangan: 63.3%)
 - xii) Jumlah: 7,253 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)